



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN - NOVEMBER 2018



Sidang REDAKSI

KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

EDITOR



Puan Haryani
binti Kaulan



Puan Anita
binti Abu Bakar

URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran
bin Ashaari



Puan Syalinda
binti Abu Hassan



Encik Rosmaidi
bin Rimin

GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida
binti Zainol



Encik Zulhisyam
bin Zakaria

PENULIS



Encik Khalilurrahman
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah
binti Jamaluddin



Encik Asmawi
bin Ahmad



Encik Adi Khirman
bin Marji



Encik Mohd Fairus
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza
binti Hanifah



Puan Nur Nisha
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad
Shurazi bin Sukhur

ISI KANDUNGAN

- APRON DAN TOPI PAKAIAN SERAGAM UTAMA PENIAGA DI PUTRAJAYA 3
- 400 PENDUDUK JAYAKAN GOTONG-ROYONG MEGA PUTRAJAYA 2018 4
- MENGHIDUPKAN SUNNAH MELALUI MEMANAH 5
- PUTRAJAYA LAKE AND WETLAND EXPLORACE 6

PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

ppjonline@ppj.gov.my

Bahagian Komunikasi Korporat,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

APRON DAN TOPI PAKAIAN SERAGAM UTAMA PENIAGA DI PUTRAJAYA

Seramai lapan orang peniaga medan selera Perbadanan Putrajaya (PPj) menjadi sebahagian dari penerima apron dan topi yang disampaikan oleh Presiden PPj, Datuk Dr. Aminuddin Hassim dalam satu majlis khas yang diadakan di Medan Selera Presint 16 pada 5 November yang lalu.

Penyerahan ini adalah sebahagian daripada kempen berterusan PPj dalam memastikan keseragaman imej kesemua medan selera di bawah selian PPj.

Dengan menerapkan imej Medan Selera PPj Bersih, Selamat dan Ceria, setiap premis diharap dapat memastikan kebersihan makanan serta mendapat gred A dalam penilaian penarafan premis makanan.

Dalam majlis tersebut, pengusaha premis dan pengendali makanan diingatkan untuk sentiasa mengamalkan cara pengendalian makanan yang bersih bermula dari awal penyediaan, penyajian dan selepas waktu operasi.



400 PENDUDUK JAYAKAN GOTONG-ROYONG MEGA PUTRAJAYA 2018



Gotong-royong Mega Putrajaya 2018 yang diadakan di Apartment Fasa 4, Presint 9 telah berjaya mengumpulkan seramai 400 orang penduduk dalam misi meningkatkan kesedaran menjaga kebersihan dalam rumah dan persekitaran masing-masing.

“Persekitaran Bersih, Selamat dan Kondusif Tanggungjawab Semua” menjadi tema program yang menjadi salah satu aktiviti tahunan melalui agenda Task Force Kebersihan Wilayah Persekutuan.

Aktiviti ini merupakan salah satu inisiatif PPj dalam menjaga kebersihan kawasan persekitaran selain mencegah penularan penyakit demam denggi.

Fokus lain aktiviti ini adalah untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes.

Sehingga bulan Oktober 2018, Putrajaya telah mencatatkan pengurangan kes sebanyak 327

berbanding 526 kes yang dilaporkan pada tahun 2017.

Acara yang berlangsung pada 18 November yang lalu turut disertai oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad.

Kerjasama dan kolaborasi erat dengan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), JPM, Pejabat Kesihatan Putrajaya, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Bomba, SWCorp, Alam Flora Sdn Bhd dan Komuniti Putrajaya diharap dapat menjadikan putrajaya bersih dan bebas denggi bagi tahun-tahun berikutnya.





MENGHIDUPKAN SUNNAH MELALUI MEMANAH

Memanah tradisional semakin menjadi tarikan dan sukan pilihan di Malaysia sejak kebelakangan ini.

Melihatkan trend ini, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Kejohanan Memanah Tradisional Putrajaya 2018 di Taman Wetland Putrajaya sempena Maulidur Rasul yang lalu.

Penampilan para pemanah tradisional yang lengkap berbusana tradisional melayu yang menampilkan kesantunan menjadi keunikan yang diterapkan sepanjang kejohanan diadakan.

Penganjuran ini sebahagian dari inisiatif mempromosikan taman-taman awam kepada pengunjung selain memperkenalkan aktiviti memanah tradisional sebagai salah satu produk pelancongan baharu yang ditawarkan kepada pengunjung taman.



PUTRAJAYA LAKE AND WETLAND EXPLORACE



Putrajaya Lake and Wetland Explorace 2018 (PLWE 2018) telah menarik minat seramai 256 pelajar dari 28 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta di Semenanjung Malaysia.

Acara tahunan yang bermula pada 3 November dan berakhir pada 4 November, memerlukan peserta merentasi perjalanan sejauh 13 kilometer dan memerlukan mereka menjelajah seluruh pelusuk kawasan wetland Putrajaya dan tasik untuk menyempurnakan 16 tugas khusus yang disediakan.

Antara tugas yang perlu diselesaikan adalah berkenaan fungsi dan kepentingan pengurusan tasik dan wetland Putrajaya secara mampan agar manfaat perkhidmatan ekosistem badan air buatan dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.

Pertandingan selama dua hari ini memerlukan peserta menyempurnakan kesemua tugas pada hari pertama untuk melayakkan mereka bertanding di peringkat akhir iaitu pada hari kedua.

Pemenang bagi pertandingan PLWE 2018 adalah berikut:

Putrajaya Lake Warrior 2018 :
UiTM Adventure Race Team (UiTM Shah Alam)

Tempat Ke-2 :
PUMA (Universiti Malaysia Pahang)
Tempat Ke-3 :
Adventure Race A (UiTM Shah Alam)
Best Overall Men :
UiTM Adventure Race Team (UiTM S. Alam)
Best Women :
Whateva S3 (UiTM Seremban)
Best Mix :
Hehehe (UiTM Puncak Alam & UiTM Perlis)
Kontinjen Terbesar :
UiTM Seremban

